



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

10 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : PELANTIKAN KSU KSM YANG BARU

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	10 OKTOBER 2017 (SELASA)	UTUSAN MALAYSIA Mohd. Gazali KSU baharu Kementerian Sumber Manusia MALAYSIA GAZETTE Mohd Gazali dilantik Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia	KSU KSM

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Mohd. Gazali KSU baharu Kementerian Sumber Manusia



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa (kiri) dan Dr. Mohd. Gazali Abas.

PUTRAJAYA - Dr. Mohd. Gazali Abas dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang baharu berkuatkuasa hari ini bagi menggantikan Datuk Seri Adenan Abdul Rahman yang bersara 5 Oktober lalu. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, Mohd. Gazali berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia serta pengurusan projek dan kewangan menerusi karier perkhidmatannya lebih 31 tahun.

"Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 31 tahun, beliau mula berkhidmat pada 13 Januari 1986 ketika dilantik sebagai pegawai tadbir dan diplomatik (PTD)," katanya dalam satu kenyataannya di sini hari ini. Menurut Ali, Mohd. Gazali berkelulusan sarjana muda ekonomi (kepujian) dari Universiti Malaya (UM), sarjana pentadbiran perniagaan dalam bidang pengajian kewangan di Universiti of Nottingham, United Kingdom (UK) dan doktor falsafah (PhD) dalam bidang informasi dan telekomunikasi dari Waseda Universiti, Jepun.

"Sebelum ini beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Sekysen Pembangunan Modal Insan, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara," katanya. Dalam pada itu katanya, bagi pihak kerajaan Malaysia beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Adenan di atas segala sumbangan dan khidmatnya sepanjang perkhidmatan selama 37 tahun.

AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

Mohd Gazali dilantik Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

KUALA LUMPUR – Dr. Mohd Gazali Abas dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang baharu berkuatkuasa hari ini. Beliau menggantikan Datuk Seri Adenan Abdul Rahman yang bersara pada 5 Oktober lalu. Mohd Gazali berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi Pembangunan Luar Bandar dari Universiti Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengajian Kewangan di Universiti Nottingham, United Kingdom. Beliau memperoleh Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Informasi dan Telekomunikasi dari Universiti Waseda, Jepun. Mohd Gazali telah lebih 31 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam ketika menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 13 Januari 1986.

ISU: WSC 2017

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	10 OKTOBER 2017 (SELASA)	THE SUN DAILY WSC 2017: Malaysia confident gold 'drought' has ended HARIAN METRO WSC 2017, Malaysia sasar 5 emas NEW STRAITS TIMES Malaysia set target of five medals in World Skills Competition in Abu Dhabi	KSM

AKHBAR : THE SUN DAILY

WSC 2017: Malaysia confident gold 'drought' has ended



Human Resources Minister Datuk Seri Dr Richard Riot (2nd from R) welcomed the national contingent on their way to WSC 2017 at KLIA, Oct 9, 2017.

SEPANG: Human Resources Minister Datuk Seri Richard Riot is confident Malaysia will end the nation's 24-year gold drought in this year's World Skills Competition (WSC). He said the WSC 2017, which will be held in Abu Dhabi, United Arab Emirates from Oct 14, is the best platform for the national contingent to create history by winning the first gold medal for the nation, placing Malaysia

among the countries which are known for skills. "With intensive training and the guidance of trainers and 20 experts, I believe our national participants can win the first gold medal in this international level skills competition. "The participants have shown extraordinary spirit and because of that, we are confident the contingent will bring back at least one gold medal to Malaysia," he said in his speech as he flagged off the national contingent on their way to WSC 2017 at the Kuala Lumpur International Airport, here today. With its 21 participants, the Malaysian contingent, which is led by Deputy Human Resources Minister Datuk Seri Ismail Abdul Muttalib, who is also the chef-de-mission, will compete in 20 events. Riot said after the success of bringing bronze medals back from the WSC in Sao Paulo, Brazil two years ago, he was confident that the momentum would be continued, and the participants had the experience of making Malaysia the overall winner at the Asean Skill Competition last year. "At that competition (Asean Skill Competition), Malaysia swept 22 gold medals, four silver and five bronze, and to me, there is no reason why our national participants cannot repeat their excellence at a higher level," he said.

AKHBAR : HARIAN METERO

WSC 2017, Malaysia sasar 5 emas

MALAYSIA menyasarkan lima pingat dengan satu emas bagi penyertaan dalam Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC) 2017 kali ke-44 yang berlangsung di Abu Dhabi bermula 14 hingga 19 Oktober ini. Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot berkata, untuk penyertaan kali ini, kontinjen Malaysia terbabit dalam 20 daripada 54 bidang kemahiran yang dipertandingkan.

"Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya melaksanakan pelbagai strategi dan program bagi memastikan WSC Abu Dhabi 2017 berjaya memperoleh pingat emas yang pertama. "Harapan seluruh rakyat Malaysia adalah sangat tinggi terhadap kontinjen negara ini dalam menaikkan dan mengharumkan nama negara di pentas arena kemahiran dunia," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelepasan Kontinjen Negara ke WSC 2017 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang hari ini. Beliau berkata, penyertaan kontinjen negara ke WSC masuk kali ke-13 membabitkan 50 orang terdiri daripada 21 peserta, 20 pakar, empat ketua dan timbalan ketua pasukan serta lima pegawai penterjemah.

Katanya, antara bidang disertai peserta terbabit ialah terapi kecantikan, pembuatan kabinet, masakan, elektronik, teknologi automobil, teknologi fesyen, dandan rambut selain teknologi maklumat pengurusan sistem jaringan. "Pertandingan kemahiran ini adalah agenda penting ke arah mentransformasi latihan kemahiran di Malaysia dan penyertaan kontinjen negara akan memperlihatkan keupayaan tenaga mahir negara di persada antarabangsa. "Selain itu, pembabitan Malaysia dalam pertandingan peringkat antarabangsa seperti ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing, berkualiti dan berkemahiran tinggi menjelang 2050," katanya.

Pada masa sama, Riot berkata, penyertaan Malaysia juga akan mengeratkan kerjasama antara pihak kerajaan, industri dan agensi Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) di seluruh dunia melalui pertukaran teknologi dan kepakaran dalam bidang kemahiran. Mengulas lanjut, beliau berkata, pemenang yang berjaya membawa pulang pingat emas akan dianugerahkan RM100,000 oleh kerajaan, RM20,000 bagi pingat perak, RM10,000 untuk gangsa manakala RM4,000 bagi peserta mencapai tahap lulus.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

Malaysia set target of five medals in World Skills Competition in Abu Dhabi

SEPANG : The Malaysian contingent has set a target of winning five medals in the World Skills Competition (WSC) in Abu Dhabi which will be held from Oct 14 to 19 in the United Arab Emirates. Human Resources Minister, Datuk Seri Richard Riot said the 20-member team are well prepared and have set their hopes high after winning gold medals at the ASEAN Skills Competition (ASC) in Kuala Lumpur last year. "We are sending all our ASEAN gold medallists to the WSC. I'm confident that they

will do well. We are targetting 5 medals - with at least a gold, which will be our first gold at the WSC," Riot said after seeing off the Malaysian contingent at the Kuala Lumpur International Airport . The WSC is an international skills competition which sees youths from 77 member countries and regions competing for top honours. Malaysia will compete in 20 out of the 54 categories, including automobile technology, beauty therapy, cooking, bricklaying, electrical installation, welding, painting and decorating. Riot reiterated that the Malaysian gold medallist at the WSC would be rewarded with RM100,000 cash - as announced by Deputy Prime Minister, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi in April. He said even though the competition is not money-motivated, the cash reward is a "motivation" for participants to push themselves further. The incentive also demonstrates the government's commitment to developing the country's high-skills sector.

ISU: KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	10 OKTOBER 2017 (SELASA)	HARIAN METRO Dua maut dihempap kren MALAY MAIL Two RAPID workers in Pengerang die after getting crushed by cranes at construction site	JKKP

AKHBAR: HARIAN METRO

Dua maut dihempap kren



Dua lwlaki dipercayai pekerja di tapak projek pembinaan Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Pengerang, Kota Tinggi, Johor maut dihempap kren.

DUA lelaki dipercayai pekerja di tapak projek pembinaan Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Pengerang, Kota Tinggi, Johor, maut dihempap kren, manakala seorang lagi cedera dalam kejadian di tapak projek itu, hari ini. Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan

Ahsmom Bajah berkata, kejadian berlaku pada 3.45 petang, namun punca kejadian masih dalam siasatan.

“Seorang lelaki tempatan berusia 24 tahun dan berasal dari Selangor maut di tempat kejadian, manakala seorang lagi warga Pakistan berusia 22 tahun maut ketika dalam perjalanan ke hospital. “Seorang lagi warga Pakistan berusia 24 tahun pula dilaporkan cedera, namun keadaannya stabil,” katanya.

Beliau berkata, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut. Sementara itu, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Johor, Ir Saiful Azhar Mohd Said ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu, namun pihaknya masih menunggu maklumat lengkap hasil siasatan pihak JKKP berhubung insiden berkenaan. “Kejadian membabitkan sebuah ‘Mounted Truck Crane MTV’ dan ‘Overhead Travelling Crane (OTC)’.” Dimaklumkan bahawa dua orang meninggal dunia dan seorang lagi masih di hospital.

“Kejadian masih dalam siasatan pihak JKKP,” katanya. Video berdurasi 41 saat mengenai insiden itu dimuat naik menerusi Facebook (FB) Suara Anak Pengerang sebelum turut dikongsi di FB Orang Kota Tinggi dipercayai dirakam pekerja dalam tapak projek itu sejurus kejadian itu berlaku. Berdasarkan maklumat dikongsi menerusi video itu, mangsa yang terbabit berada dalam sebuah lori sebelum dihempap kren berkenaan.

AKHBAR: MALAY MAIL

Two RAPID workers in Pengerang die after getting crushed by cranes at construction site



Two workers were killed when they were crushed by cranes at a construction site.

JOHOR BARU— Two men believed to be construction workers at Petronas Refinery and Petrochemical Integrated Development (RAPID) Project in Pengerang, Kota Tinggi were killed while another was injured when they were crushed by cranes at the site yesterday. Kota Tinggi district police chief Supt Ahsmom Bajah said the police were still investigating the cause of the 3.45pm incident. “The victims, a 24-year-old man from Selangor, died at the scene while a 22-year-old Pakistani national died while being rushed to the hospital and the cases are classified as sudden death.” Another 24-year-old Pakistani national, who was injured in the incident, is reported to be in stable condition,” he said when contacted today. Meanwhile, Johor Department of Occupational Safety and Health (DOSH) director Saiful Azhar Mohd Said when contacted, confirmed the incident and said the department was still waiting for the investigations to be completed.

ISU : KARNIVAL KERJAYA PERKESO

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	10 OKTOBER 2017 (SELASA)	KOSMO Karnival Pekerjaan & Kaunseling Kerjaya Perkeso 2017 tawar 3,500 kerja THE SUN DAILY Socso's job carnival & career counselling 2017 offers 3,500 job opportunities	PERKESO

AKHBAR : KOSMO

Karnival Pekerjaan & Kaunseling Kerjaya Perkeso 2017 tawar 3,500 kerja

PUTRAJAYA - Karnival Pekerjaan & Kaunseling Kerjaya Perkeso 2017 selama sehari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini menarik penyertaan 30 syarikat besar dengan menawarkan lebih 3,500 peluang kerja. Dianjurkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), karnival itu yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hari ini, dianjurkan bersempena dengan Persidangan Psikologi Modal Insan. Perkeso dalam kenyataan berkata, antara syarikat yang mengambil bahagian termasuk IJM Highway, Aegis BPO, Uda Holdings, Puspakom, Econsave, QSR Brands, Ranhill dan Plus Malaysia. "Mereka menawarkan peluang pekerjaan kepada peserta Program Kembali Bekerja (RTW) Perkeso, individu kelainan upaya, pekerja yang diberhentikan dan pencari kerja yang lain," katanya. Perkeso berkata, karnival itu menggunakan pendekatan unik dengan menerapkan elemen pengurusan kes.

AKHBAR : THE SUN DAILY

Socso's job carnival & career counselling 2017 offers 3,500 job opportunities

PUTRAJAYA: The one-day Socso's Job Carnival & Career Counselling 2017 at Putrajaya International Convention Centre (PICC) here today has drawn the participation of 30 major employers with more than 3,500 job opportunities. Organised by Social Security Organisation (Socso) in conjunction with the Human Capital Psychology Conference, the carnival was officiated by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Socso in a statement said among the employers involved were IJM Highway, Aegis BPO, Uda Holdings, Puspakom, Econsave, QSR Brands, Ranhill and Plus Malaysia.

"They are offering employment opportunities to Socso's Return to Work Programme (RTW) participants, persons with disabilities, retrenched workers and other job seekers," it said., Socso said the carnival was conducted with a unique approach where the case management element was embedded. Under this approach, Socso's Case Managers and Job Placement Officers provide individualised support and career counselling for RTW participants which includes advising employers on the strengths and limitations of the participants as well as providing job modification strategies where necessary.

"This methodology also emphasises the monitoring of job seekers until they have decent employment," it said. Socso's RTW Programme has returned more than 17,100 insured persons with employment injuries or illnesses back to work since its inception in 2007. It has also been accepted as best practices in job placement and employment support. Countries including Namibia, Indonesia, Singapore and Thailand have benefited from the transfer of knowledge from Socso Malaysia in the implementation of a successful RTW Programme, the statement said.

ISU : PELAKSANAAN IKP

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	10 OKTOBER 2017 (SELASA)	MALAYSIA KINI IKP ukur kesejahteraan mental, emosi rakyat	TIMB.PERDANA MENTERI PERKESO

AKHBAR : MALAYSIA KINI

IKP ukur kesejahteraan mental, emosi rakyat

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mencadangkan agar Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia diwujudkan bagi mengukur tahap kesejahteraan mental dan emosi rakyat negara ini. Beliau berkata ia penting bagi memastikan tenaga kerja yang menyumbang kepada pembangunan negara diisi dengan individu-individu yang sentiasa berfikiran positif, matang, mempunyai keupayaan berfikir secara kreatif dan inovatif serta ampuh menghadapi cabaran dunia semasa.

"Modal insan bertaraf dunia boleh dicapai sekiranya setiap tenaga kerja mempunyai minda dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan, disaluti etika yang luhur dan mengamalkan budaya berprestasi tinggi," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Psikologi Modal Insan 2017, di Putrajaya hari ini. Beliau mahu perkhidmatan psikologi dalam pengurusan modal insan negara ini terus diperkasa bagi memastikan keseimbangan fizikal, emosi, tingkah laku dan rohani warga kerja berada di tahap yang terbaik untuk memberi sumbangan terbaik kepada negara.

"Setiap guna tenaga yang ada di negara ini perlu dipastikan dalam keadaan terbaik agar mereka boleh bersama menggerakkan gelombang kecemerlangan negara menjelang 2050," katanya. Dalam perkhidmatan awam, katanya, sistem sokongan serta pencegahan kepada permasalahan psikologi bagi membantu penjawat awam telah diwujudkan melalui Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Sejak diperkenalkan pada 2005, program itu telah berjaya dan berfungsi untuk membantu penjawat awam menangani isu dalam kehidupan dan pekerjaan mereka, katanya.

Ahmad Zahid berkata kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) juga telah melancarkan Program Return to Work (RTW) pada 2007 bertujuan membantu pencarum yang hilang upaya menjalani sesi kaunseling, intervensi pemulihan fizikal, pemulihan vokasional, latihan pekerjaan dan akhirnya boleh kembali bekerja. Menurutnya, sejak diperkenalkan pada 2007 hingga Ogos 2017, seramai 17,183 orang pekerja telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja di bawah program RTW. Pada persidangan yang dihadiri 7,000 peserta sektor awam dan swasta itu, Ahmad Zahid turut menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Perkeso dan JobStreet.com bagi program RTW.